

'Demonstrasi perbuatan derhak

Oleh Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad – Pergerakan Pemuda Umno menyifatkan perbuatan rakyat Malaysia di luar negara mengadakan demonstrasi ketika lawatan pemimpin negara, sebagai tindakan derhaka.

Ketua pergerakan itu, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, tindakan melulu golongan berkenaan akan digunakan pihak luar, terutama media asing, untuk menjatuhkan negara.

"Saya sedih dengan anak-anak bangsa kita yang memalukan pemimpin negara dan diri sendiri. Mereka tidak sedar yang musuh kita di luar sentiasa menunggu masa untuk kejadian sebegini.

"Jika mereka tak sayang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Datuk Hishammudin sekalipun, sekurang-kurangnya mereka patut hormati jawatan yang kita pegang," katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat Sukan Putera Merdeka dan merasmikan Logo Sukan Putera Merdeka di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan sekumpulan anak muda

**“ BH 9 OCT 2000
Saya sedih dengan anak-anak bangsa kita yang memalukan pemimpin negara dan diri sendiri. Mereka tidak sedar yang musuh kita di luar sentiasa menunggu masa untuk kejadian sebegini,”**

– Datuk Hishammuddin Tun Hussein

Malaysia yang mengadakan demonstrasi semasa lawatan Perdana Menteri ke England baru-baru ini.

Ditanya bentuk tindakan yang akan diambil Pemuda dalam menghentikan kegiatan berkenaan, Hishammudin berkata, "Kita tidak boleh nak halang orang yang ingin membuat demonstrasi. Seperti juga kita tak boleh hentikan laporan negatif dari media asing terutama CNN mengenai negara ini."

Menurutnya, hanya segelintir golongan muda yang terbabit dengan demonstrasi seumpama itu.

Bagaimanapun, Hishammuddin berkata, disebabkan kejadian itu dilaporkan media asing, ia seolah-

olah kelihatan sesuatu kes yang serius dan besar.

"Nasihat saya kepada anak-anak muda kita di luar negara supaya tidak terbabit dan fikir sedalam-dalam sebelum melakukan sesuatu yang boleh meninggalkan kesan kepada negara, bangsa dan agama kita," katanya.

Mengenai penubuhan Puteri Umno sebagai sebuah sayap parti yang setaraf dengan pergerakan itu, Hishammuddin berkata, penyertaan golongan muda tidak kira lelaki atau wanita perlu diutamakan dalam membuat perubahan kepada Umno.

"Kadang-kadang pendekatan yang kita gunakan

mungkin tidak sesuai tetapi ia dapat diputuskan dalam semangat keluarga Umno. Namun, saya berharap, melalui saluran yang sedia ada, isu ini dapat diselesaikan dengan baik.

"Kita kena hentikan sikap mementingkan diri

sendiri dan menumpukan perhatian kepada perjuangan dan fungsi sebenar parti," katanya.

Pada masa yang sama, Hishammuddin berkata, anggota Majlis Tertinggi (MT) juga perlu mendapatkan maklum balas dari Pergerakan Wanita dan Pe-

muda mengenai penubuhan berkenaan.

Sebelum itu, Hishammuddin berkata, Pemuda akan memberi variasi kepada aktivitinya supaya dapat menarik minat golongan muda.

Antaranya, beliau berkata, mengadakan aktiviti

sukan yang membabitkan semua golongan muda tanpa mengira fahaman politik.

"Dengan cara ini, kita bukan saja dapat menarik minat ahli baru tetapi dapat membuka minda golongan muda kepada Umno," katanya.